

# KEPELBAGAIAN NARATIF WACANA BERITA PANDEMIK COVID-19: ANALISIS PORTAL BERITA ASWAQPRESS.COM

**Muhammad Marwan Ismail, PhD**  
*marwanismail@usim.edu.my*

**Farah Nadia Harun, PhD**  
*farahnadia\_84@yahoo.com*

**Wan Moharani Muhamad, PhD**  
*moharani@usim.edu.my*

**Nurhasma Muhammad Saad, PhD**  
*Nurhasma@usim.edu.my*

**Zulkipli Md. Isa, PhD**  
*zulkipli@usim.edu.my*  
*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.*

## 1.0 Pengenalan

Pandemik Covid-19 terjadi akibat Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk *severe acute respiratory syndrom coronavirus 2* (SAR-CoV-2). Varian terbaharu virus corona ini mula dikenalpasti tersebar di Pasar Makanan Laut Huanan dalam daerah Wuhan China pada 24 Disember 2019 (World Health Organisation, 2021). Seterusnya ia telah merebak dengan pantas ke serata dunia sehingga mendesak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengishtiharkan semboyan Kecemasan Perubatan Sedunia pada 30 Januari 2020 (ibid.). Seterusnya WHO pada 11 Mac 2020 mengishtiharkan Covid-19 sebagai pandemik. Sehingga 4 Mac 2022, lebih dari dua tahun virus ini muncul, Covid-19 telah menjangkiti hampir 500 juta orang dan telah mengorbankan 6 juta orang di serata dunia.

Malaysia juga tidak terkecuali dari menerima wabak Corona Covid-19. Kes pertama yang direkodkan di Malaysia adalah pada 25 Januari 2020 dalam kalangan pelancong China di Johor yang melawat Malaysia melalui Singapura (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Penularan tempatan hanya direkodkan menjelang Mac 2020 dengan wujudnya beberapa kluster tempatan. Menjelang hujung Mac 2020, bilangan pesakit yang disahkan positif virus Covid-19 melonjak naik dari sekitar 30 orang pada Januari 2020 kepada lebih 2000 kes aktif di seluruh negara. Selepas hampir 18 bulan, Malaysia telah merekodkan 716847 kes dengan lebih 61000 kes aktif dan telah mengorbankan 4721 orang setakat 24 Jun 2021 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Sejak Januari 2020, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengekang penularan wabak ini. Antara usaha tersebut malahan ia dianggap terbesar lagi terpenting adalah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perintah Kawalan Pergerakan kali pertama (PKP 1.0) telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Seterusnya larangan pergerakan penuh ini telah diberi sedikit kelonggaran pada 4 Mei 2020 dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan pengenalan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun 2020. Pada Januari 2021, Malaysia berhadapan peningkatan kes jangkitan Covid-19 yang amat drastik dan hampir melumpuhkan sistem kesihatan negara. Bagi menghadapi situasi ini, kerajaan telah melaksanakan kembali PKP pada Januari 2021. Serentak dengan itu, kerajaan telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mengishtiharkan darurat di seluruh negara pada 12 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021.

## 2.0 Fairclough dan Analisis Wacana Berasaskan Teks

Analisis Wacana Kritis (AWK) atau *Critical Discourse Analysis* yang dianjurkan oleh Norman Fairclough (1992) menitikberatkan perihal teori wacana sosial yang bertujuan menganalisis peristiwa sosial dalam masyarakat dengan mengguna pakai dapatan linguistik. Justeru, wacana dianggap sebagai amalan sosial yang membentuk kekuasaan pelbagai identiti. Mengambil pendekatan linguistik, Fairclough berpandangan bahawa penggunaan bahasa dalam masyarakat merupakan suatu bentuk amalan sosial terhasil daripada aktiviti individu. Kelompok sosial yang mengamalkan kegiatan ekonomi atau politik membentuk wacana yang utama kerana mereka mempunyai kekuatan dan mengarah kepada kehadiran ideologi.

Fairclough (1992) telah memperkenalkan model analisis tiga dimensi dalam kajian AWK berasaskan teks, amalan wacana dan amalan sosial. Ketiga-tiga dimensi ini amat berkait sesama sendiri selain ia juga berkait dengan semiotik sebagai interpretasi yang dihasilkan untuk menjelaskan kewujudan fenomena atau isu sosial tertentu. Dimensi pertama dalam kerangka tiga dimensi ini merujuk kepada analisis tekstual yang memfokuskan kepada analisis fitur, struktur linguistik dan praktik diskursif (Fairclough, 1992). Antara fitur dan struktur linguistik yang selalu diberi penekanan dalam analisis wacana dimensi pertama ini adalah kosa kata, tatabahasa, kohesi dan struktur teks (Jorgensen dan Phillips, 2002).

Dimensi kedua pula memberi penekanan kepada amalan wacana bagi merungkai interpretasi hubungan antara proses wacana dan teks dengan melihat kepada proses penghasilan wacana dan interprestasinya. Antara lain proses penghasilan wacana melibatkan analisis aspek intertekstualiti, interdiskursiviti, data ujaran dan semiotik. Akhir sekali Dimensi ketiga memfokuskan kepada analisis proses sosial. Pada peringkat ketiga ini analisis wacana saranan Fairclough memfokuskan kepada penjelasan hubungan antara proses wacana dan proses sosial. Ia dilakukan dengan menjelaskan persoalan sosial yang melibatkan aspek kepimpinan, politik, budaya, ideologi, hegemoni, ekonomi dan sebagainya. Fairclough (1995) menegaskan bahawa semasa menjalankan analisis, ketiga-tiga elemen ini selalu hadir secara serentak dan tidak menjadi suatu masalah jika salah satu dari tiga elemen ini didahulukan daripada yang lain.

Antara kelebihan utama kerangka AWK Fairclough adalah kewujudan kerangka analisis yang lengkap, tersusun dan jelas pada setiap tiga elemen yang telah dijelaskan tadi. Selain itu, pendekatan Fairclough memberi wajar yang besar ke arah merungkai hubungan antara amalan sosiobudaya dengan suatu teks itu. Maka analisis wacana kritis menitikberatkan cara suatu teks dihasilkan atau ditafsirkan serta menjelaskan hubungan wacana tersebut dengan amalan dan konteks sosial sesuatu masyarakat.

Kajian ini secara khususnya menggunakan kerangka AWK yang dianjurkan oleh Fairclough. Penekanan utama semasa analisis adalah diberikan kepada elemen kedua dan ketiga dari kerangka analisis tiga dimensi Fairclough iaitu analisis amalan wacana dan analisis dimensi sosial. Namun ini tidak bermakna elemen pertama iaitu dimensi teks yang memfokuskan kepada fitur dan struktur linguistik diabaikan sama sekali dalam kajian ini. Dalam menganalisis amalan wacana, kajian ini akan memfokuskan kepada kepelbagaian naratif wacana. Dalam merungkai pembinaan dan amalan pelbagai bentuk wacana, kajian ini juga akan menunjukkan fitur-fitur linguistik yang terlibat dalam proses pembinaan wacana tersebut. Ini akan mengukuhkan lagi kerangka analisis bagi mendapat hasil dapatan analisis yang bersifat komprehensif. Seterusnya, kajian ini tidak terhenti setakat itu sahaja namun cuba untuk melihat dari perspektif yang lebih besar dengan memfokuskan kepada perkaitan amalan wacana dengan konteks sosial dan dimensinya.

Ringkasnya, kajian ini akan menganalisis kepelbagaian naratif wacana berkait pandemik Covid-19 dalam laporan berita portal berbahasa Arab Aswaq. Wacana-wacana ini lazimnya bersumberkan kepada pelbagai aktor sosial yang menghuni pelbagai hairaki masyarakat. Dalam menganalisis wacana fitur dan struktur linguistik yang membina wacana tersebut juga akan diberi penekanan khususnya fitur yang terlibat secara langsung dalam menyerlahkan lagi unsur autoritatif wacana tersebut seperti penggunaan kata tegas, penanda wacana, input leksikal dan kata kerja verbal (*verbal process*).

### 3.0 Data dan Metodologi Kajian

Data kajian adalah artikel berita bahasa Arab standard yang dikeluarkan oleh Aswaq melalui pautan portal rasmi ([aswaqpress.com](http://aswaqpress.com)) sekitar pandemik Covid-19 di Malaysia yang diterbitkan bermula 1 Januari hingga 31 Julai 2021 sahaja. Tempoh masa ini amatlah penting dan sangat signifikan untuk dikaji dengan lebih teliti. Dalam tempoh ini Malaysia berada dalam tempoh penting dan genting yang menyaksikan negara cuba keluar dari pelaksanaan PKP 2.0 apabila kes sudah mula menurun sebelum Malaysia sekali lagi dilanda gelombang ketiga jangkitan Covid-19 yang membawa kepada pelaksanaan PKP 3.0 pada penghujung Mei 2021 dan pelaksanaan Perintah Darurat di Malaysia.

Sebanyak 214 artikel berita telah berjaya dikumpulkan dari portal berita Aswaq yang mengandungi hampir 116,531 perkataan. Seterusnya artikel tersebut telah diestrak untuk menjadi teks tunggal plain text dalam format UTH-8 bagi proses analisis menggunakan perisian AntConc bagi janaan analisis Korpus Linguistik (*Corpus Linguistics*). Teknik analisis korpus telah digunakan terhadap data kajian antaranya carian kata kunci (*keyword*), kata kunci dalam kontek (*KWIC keyword in Contact*), kekerapan perkataan (*word frequency*) dan Konkordan (*concordance*). Hasil dapatan analisis data korpus ini yang kebanyakannya dalam format statistik akan membantu analisis dapatan kerangka AWK anjuran Fairclough yang bersifat kualitatif. Justeru, hasil gabungan antara dapatan analisis perisian AntConc yang bersifat kuantitatif dapat membantu menguatkan lagi analisis kualitatif AWK. Keputusan analisis data korpus dan perbincangan lanjut berkaitannya dipersembahkan dalam bahagian selanjutnya dari makalah ini.

### 4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis yang telah dijalankan terhadap 214 artikel berita portal Aswaq menunjukkan wacana autoritatif mendominasi kebanyakan sumber naratif wacana yang dilaporkan. Perinciannya seperti jadual berikut:

No.	Sumber Wacana	Kekerapan
1	Kementerian Kesihatan	206
2	Polis DiRaja Malaysia PDRM	93
3	Menteri Kanan Keselamatan	82
4	Ketua Pengarah Kesihatan	81
5	Perdana Menteri	77
6	Jabatan Perdana Menteri	39
7	Menteri Pelajaran	38
8	Kementerian Pelajaran	33
9	Kementerian Sains Teknologi MOSTI	29
10	Menteri Pertahanan	28
11	Kementerian Pengajian Tinggi	27
12	Menteri Kesihatan	27
13	Menteri Pengajian Tinggi	24
14	Kementerian Pertahanan	19
15	Jabatan Agama Islam Selangor	19
16	Kementerian Wilayah	18
17	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	17
18	Menteri	17
19	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	16
20	Angkatan Tentera malaysia	15

**Jadual 1: Perincian Taburan Sumber Wacana Autoritatif**

Jadual 1 memaparkan 20 sumber wacana autoritatif yang paling kerap dikenalpasti dalam laporan portal berita Aswaq bagi tempoh kajian. Kesemua sumber wacana ini adalah bersumberkan dari pihak kerajaan dan agensi-agensinya yang terlibat secara langsung menangani segala aspek berkaitan pandemik. Justeru, tidak menghairankan jika wacana mereka mendominasi laporan berita berkaitan pandemik di Malaysia. Mendahului senarai ini adalah kelompok wacana yang bersumberkan Kementerian Kesihatan dengan rekod 206 kekerapan. Bilangan ini akan menjadi lebih besar jika ditambah sumber wacana dari Ketua Pengarah Kesihatan (81 kekerapan) dan Menteri Kesihatan (27) yang menjadikan jumlah keseluruhan wacana dari pihak autoritatif kesihatan Malaysia sebanyak 314 kekerapan.

Di tempat kedua adalah kelompok wacana dari pihak autoritatif keselamatan negara. Wacana dari sumber Menteri Kanan Keselamatan mencatatkan 82 kekerapan dan ditambah dari Menteri Pertahanan sendiri sebanyak 28 kekerapan. Kementerian Pertahanan (KEMANTAH) juga mencatatkan 19 kekerapan selain 15 kekerapan lagi direkodkan untuk Angkatan Tentera Malaysia. Seterusnya 93 kekerapan direkodkan untuk Polis DiRaja Malaysia. Menjadikan jumlah wacana kelompok autoritatif keselamatan sebanyak 237 kekerapan.

Naratif wacana dari sumber Perdana Menteri Malaysia juga mencatitkan jumlah kekerapan yang tinggi (77 kekerapan) dan Jabatan Perdana Menteri (39), menjadikan jumlah keseluruhan sumber wacana dari hierarki tertinggi pemimpin negara ini adalah sebanyak 116 kekerapan. Selain itu, naratif wacana yang mencatatkan jumlah tinggi adalah dari sumber autoritatif pendidikan di Malaysia. Jumlah kekerapan sumber naratif wacana pihak Kementerian Pelajaran (33 kekerapan) dan Kementerian Pengajian Tinggi (27). Jumlah kekerapan ini bertambah jika digabung bersama naratif wacana dari menteri terbabit seperti Menteri Pelajaran (38) dan Menteri Pengajian Tinggi (24) menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 112 kekerapan.

Antara pihak autoritatif lain yang merekodkan jumlah yang tinggi adalah Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) yang menterinya terlibat secara langsung mengepalai kempen vaksinasi mencegeah Covid-19. Kementerian Wilayah dan Pembangunan Bandar yang merupakan sumber autoritatif tertinggi bagi wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan juga antara yang merekodkan jumlah kekerapan yang tinggi. Seterusnya Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang menyalurkan pelbagai informasi tentang wabak ini kepada masyarakat juga merekodkan angka yang agak tinggi. Tidak ketinggalan, kelompok wacana dari pihak autoritatif agama merekodkan angka yang tinggi seperti yang dicatatkan oleh pihak berkuasa agama di Selangor (19) dan Wilayah Persekutuan (16 kekerapan).

## 5.0 Penutup

Kajian ini telah menggunakan kerangka AWK anjuran Norman Fairclough yang menggabungkan tiga dimensi analisis wacana. Ia bermula dengan elemen dan fitur linguistik, seterusnya amalan wacana dan amalan sosial. Makalah ini secara khususnya memberi penekanan yang lebih kepada elemen kedua iaitu amalan wacana dengan mengkaji unsur kepalbagaian naratif wacana dalam laporan portal berita Aswaq. Dapatan kajian masih menunjukkan wacana autoritatif mendominasi laporan berita portal Aswaq. Ia didahului oleh kelompok wacana autoritatif kesihatan dan disusuli oleh autoritatif keselamatan. Kedua-dua pihak berwajib ini menjadi naratif utama yang membekalkan berita dan maklumat rasmi dari pihak kerajaan berkaitan situasi semasa pandemik di Malaysia. Selain itu, wacana autoritatif keselamatan bertanggungjawab memberi garis panduan dan peraturan yang perlu dituruti oleh semua rakyat Malaysia. Tidak ketinggalan sumber autoritatif pendidikan pula mempunyai kuasa penuh untuk mengeluarkan garis panduan berkaitan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.

Namun begitu, portal berita Aswaq juga mengemukakan kepada para pembaca mereka wacana pilihan dari sumber kumpulan antagonis. Walaupun jumlahnya terlalu sedikit berbanding wacana autoritatif namun ia cukup untuk memberi gambaran ringkas dan berimbang terhadap naratif sehalu yang bersumber dari sumber kerajaan semata-mata. Naratif wacana antagonis yang didominasi oleh para pemimpin pembangkang dan mantan Perdana Menteri kebanyakannya digunakan untuk mempersoal dan mengkritik tindakan serta keputusan kerajaan. Selain itu, ia juga digunakan untuk membawa suara ketidakpuasan hati terhadap pelaksanaan sesuatu peraturan serta mencadangkan tindakan atau kerangka pelaksanaan baharu. Semua ini menjadikan laporan berita lebih berimbang dan komprehensif untuk sajian para pembaca yang sudah matang dan mahukan maklumat serta gambaran yang lebih menyeluruh berkaitan situasi pandemik Covid-19 di Malaysia.

## 6.0 Rujukan

Aswaq. 2021. *Covid-19 News Achieve*. Aswaqpress.com. Accessed 18/6/2021

Antony, Lawrence. 2019. *AntConc Software for Concordance Analysis*. Version 3.5.8 (2019)

Baker, P., & McEnery, T. (2005). A corpus-based approach to discourses of refugees and asylum seekers in UN and newspaper texts. *Language and Politics*, 4(2), 197-226.

Blommaert, J. (2005). *Discourse: A Critical Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.

Chilton, P. (2005). Missing Links in Mainstream CDA: Modules, Blends and the Critical Instinct In P. Chilton & R. Wodak. (Eds.), *A New Agenda in (Critical) Discourse Analysis: Theory, Methodology and Interdisciplinarity* Amsterdam: John Benjamins.

Chilton, P., & Schaffner, C. (2002). Introduction: Themes and principles in the analysis of political discourse In P. Chilton & C. Schaffner (Eds.), *Politics as Text and Talk: Analytic Approaches to Political Discourse* (pp. 1-41). Amsterdam: J. Benjamins.

Chouliaraki, L., & Fairclough, N. (1999). *Discourse in Late Modernity*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Fairclough, N. (1988). Discourse representation in media discourse. *Sociolinguistics*, 17, 125-139.

Fairclough, N. (1989/2001). *Language and Power* (2nd ed.). London: Longman.

Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.

Fairclough, N. (1993). Critical discourse analysis and the marketisation of public discourse: The universities. *Discourse and Society*, 4(2), 133-168.

Fairclough, N. (1995a). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.

Fairclough, N. (1995b). *Media Discourse*. London: Hodder Arnold.

Fairclough, N. (2000). *New Labour, New Language?* London: Routledge.

Fairclough, N. (2001/1989). *Language and Power* (2nd ed.). London: Longman.

Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.

- Fairclough, N. (2006). *Language and globalisation*. London: Routledge.
- Fairclough, N., Wodak, R., & Mulderrig, J. (2011). Critical discourse analysis. In T. van Dijk (Ed.), *Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction* (2nd ed., pp. 357-378). London: Sage.
- Foucault, M. (1972). *The Archaeology of Knowledge*. London: Tavistock Publications.
- Fowler, R. (1991). *Language in the News: Discourse and Ideology in the Press*. London: Routledge.
- Fowler, R, Hodge, B., Kress, G., & Trew, T. (1979). *Language and Control*. London: Routledge.
- Franklin, B., Hamer, M., Hanna, M., Kinsey, M., & Richardson, J. (2005). *Key Concepts in Journalism Studies*. London: Sage.
- Halliday, M.A.K (1994). *An Introduction to Functional Grammar* (2nd ed.) London: Edward Arnold.
- Harun, F, Ismail, M et al. (2019), 'The Driving Restriction on Saudi Women: Critical Analysis of Modality in Arabic Online News Discourse', *Journal of Fatwa Management and Research* (2019): 466–87.
- Harun, F and Ismail, M. (2020) 'Saudi Women Participation in Sports: Critical Analysis of Presupposition Strategies in Arabic Online News Discourse', *Journal Sains Insani* (Vol. 5, 2020): 134–50.
- Ismail, M., Harun, F., Daoudi, A. (2018). Naming Strategies in Modern Standard Arabic Online News Discourse: The Case of Al-Jazeera and BBC Coverage on the 2011 Tunisian Jasmine Revolution in *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSE) Vol. 4: No. 11 (May 2018) page 158-171.
- Ismail, M. (2019). *Aljazeera Arabic and BBC Arabic Online News Coverage of the 2011 Arab Spring in Tunisia and Egypt: Critical Discourse Analysis*. PhD Thesis. The University of Birmingham. The UK.
- Ismail, M and Harun, F. (2021) Modern Standard Arabic Online News Discourse of Men and Women: Corpus-Based Analysis. *Asian Journal of Behavioural Sciences*, [S.I.], v. 3, n. 1, p. 24-39, Mar. 2021: p134–50.
- Ismail, M. M., Harun, F. N., Muhamad, W. M., Saad, N. M., & Md Isa, Z. (2021). *The Arab Spring Online News Coverage: Corpus-Based Analysis Of The Tunisian And Egyptian Revolution Keywords*. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (14), 52- 70.
- Kementerian Kesehatan Malaysia. 2021. *Covid-19 di Malaysia*. www.moh.my. Accessed 18/6/2021
- Laclau, E and Mouffe, C. (1985). *Hegemony and Socialist Strategy*. London: Verso.
- Reisigl, M and Wodak, R. (2001). *Discourse and Discrimination: Rhetoric of Racism and Antisemitism*. London: Routledge.
- Richardson, J. (2007). *Analysing Newspapers: An Approach from Critical Discourse Analysis*. New York: Palgrave Macmillan
- Thompson, Geoff (1996). *Introducing Functional Grammar*. China: Edward Arnold (Publishers) Ltd.

World Health Organisation, 2021. *Pandemic Covid-19: Facts and Figure*.[www.who.org](http://www.who.org). Accessed 18/6/2021.